

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1995/96

April 1996

SPU403 - Seminar Dasar dan Pentadbiran Awam

Masa: [3 Jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Arahan:

1. Masa peperiksaan adalah 3 jam.
 2. Jawab **TIGA** (3) dari lima soalan.
 3. Semua soalan membawa markah yang sama.
 4. Anda boleh menjawab soalan yang mana saja terlebih dahulu.
 5. Selamat bekerja, semoga berjaya!
-

1. (a) Apakah perbezaan-perbezaan utama di antara pandangan “klasik” dan pandangan “revisionis” dalam penganalisaan dasar?
(b) Jelaskan (1) kekuatan dan (2) kelemahan daripada pandangan “klasik” dan pandangan “revisionis”.

...2/-

2. Harold Lasswell dalam karyanya "The Policy Orientation" (1951) mencadangkan "penganalisaan dasar secara saintifik".

Tuliskan sebuah esei di mana:

- (i) anda menjelaskan kekuatan dan kelemahan penganalisaan saintifik seperti yang dicadangkan oleh Lasswell, dan
- (ii) anda memberikan pandangan anda mengenai kemampuan penganalisaan saintifik dalam menangani masalah-masalah terkini.

3.

Memandu guna telefon bimbit didenda RM300

PETALING JAYA 7 Mac - Kerajaan akan mengenakan hukuman denda sekurang-kurangnya RM300 ke atas pemandu yang menggunakan telefon bimbit, apabila undang-undang mengenai larangan penggunaannya dikuatkuasakan mulai akhir tahun ini.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr. Ling Liang Sik berkata, tindakan kompaun terpaksa dilakukan memandangkan mereka yang menggunakan telefon bimbit ketika memandu, bukan sahaja membahayakan diri mereka malah para pengguna jalan yang lain.

"Apabila memandu, mereka tidak seharusnya menggunakan telefon bimbit."

"Kita akan mengkaji undang-undang berkaitan terhadap mereka yang berbuat demikian, tetapi mereka akan dikenakan hukuman denda sekurang-kurangnya RM300," tegas beliau.

Dr. Ling berkata demikian kepada pemberita selepas melancarkan pertandingan mencari harta karun bermotor anjuran Pusat Downs Syndrome Kiwanis Petaling Jaya di sini, hari ini.

Hadir sama ialah Penaungnya, Datin Seri Ena Ling dan Penggerusi Jawatankuasa Penganjur, Lee Kuan Yong.

Baru-baru ini, Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Chor Chee Heung berkata, kementerian akan mengambil tindakan terhadap pemandu yang menggunakan telefon bimbit semasa memandu, mengikut Seksyen 43 (1) 2 dan 3, Akta Pengangkutan Jalan 1987.

Chor menjelaskan, mereka yang melanggar undang-undang itu boleh didenda RM2000 (maksimum) atau penjara enam bulan bagi kesalahan pertama.

Bagaimanapun menurut Dr. Ling, kementeriannya hanya akan menguatkuasakan larangan itu selepas pelancaran kempen kesedaran kepada orang ramai mengenai bahaya penggunaan telefon kendaraan semasa memandu, sebelum penghujung tahun ini.

Utusan Malaysia, 8 Mac 1996

...3/-

Anda diminta untuk mempertahankan pendirian kerajaan mengenai hal tersebut di atas. Lagi pula, dalam pertahanan itu anda harus mewujudkan imej bahawa keputusan kerajaan untuk mengenakan hukuman denda ke atas pemandu yang menggunakan telefon bimbit adalah satu keputusan yang rasional-saintifik dengan mengambil kira faktor-faktor politik yang berkenaan. Setelah anda fikirkan, anda memutuskan untuk menyediakan analisa menurut proses yang dicadangkan oleh Aaron Wildavsky, iaitu penganalisaan dasar sebagai "art" dan "craft". Tuliskan esei yang membentangkan penganalisaan anda.

4. Dari masa ke masa, seorang pentadbir akan menghadapi dilema moral dalam mengambil keputusan. Misalnya, apakah ia harus menganiaya seorang pengganas dengan tujuan mengorek rahsia tempat sebuah bom disembunyikan? Ataukah ia harus mengikuti suara hatinya yang melarang penganiayaan sesama manusia?

Pentadbir ini dapat mengambil keputusan yang menyebabkan ia mempunyai "dirty hands". Ia dapat menganiaya pengganas tersebut untuk mengetahui tempat bom disembunyikan dan mungkin ratusan nyawa yang tak bersalah dapat diselamatkan. Tetapi, pada masa yang sama pentadbir ini juga merasa bersalah atas tindakan penganiayaannya.

- (a) Michael Waltzer (1972) menangani masalah "dirty hands" melalui tiga pendekatan. Jelaskan ketiga pendekatan tersebut.
 - (b) Selain dari "dirty hands", kita juga mengenal "many hands" dan "no hands" dalam mengambil keputusan dalam situasi dilema. Jelaskan makna "many hands" dan "no hands" dalam pengambilan keputusan.
5. John Kingdon (1984) mencadangkan proses perwujudan agenda, alternatif, dan dasar. Tuliskan esei yang menggambarkan proses yang dicadangkan oleh Kingdon.